

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN RAMLI BIN MOHD NOR**  
**[ CAMERON HIGHLANDS ]**  
**SOALAN** : **369**

Tuan Ramli bin Mohd Nor [ Cameron Highlands ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dalam memperkasakan keistimewaan dan hak-hak Orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

**JAWAPAN:** **YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

***“Perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit, dsb., bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak***

***153.(1) Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-***

*mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.”.*

2. Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tafsiran “Orang Melayu” seperti yang berikut:

**“Tafsiran**

**160.(2)** *Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ungkapan-ungkapan yang berikut mempunyai erti sebagaimana yang diberikan dengan ini kepadanya masing-masing, iaitu—*

*“Orang Melayu” ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan*

*(a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau*

*(b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian;”.*

3. Fasal (6) dan (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan takrifan “anak negeri” seperti yang berikut:

**“Kedudukan istimewa anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak**

**161A.(6)** *Dalam Perkara ini “anak negeri” ertinya—*

*(a) berhubung dengan Sarawak, seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7)*

*sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu; dan*

- (b) berhubung dengan Sabah, seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu kepada seorang daripada suatu ras asli bagi Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau selepas Hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran itu.*

*(7) Ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif “anak negeri” dalam Fasal (6) ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.”.*

4. Walau bagaimanapun di bawah Fasal (1) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Kerajaan masih lagi bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan yang sah kaum-kaum lain.

5. Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan mengenai hak-hak orang Melayu bagi memastikan hak-hak ini terus terbela di bawah Perlembagaan antaranya seperti yang berikut:

- (a) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan mengenai hak perizaban tanah simpanan Melayu; dan
- (b) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan mengenai peruntukan khas berhubung dengan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka serta tanah pegangan Melayu di Terengganu.

6. Apa-apa cadangan pindaan yang menyentuh hak dan keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk kepada Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan.

7. Fasal (3) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

8. Fasal (5) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa pindaan berhubung dengan Perkara 10(4) Perlembagaan Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan di bawahnya (mengenai kebebasan bercakap dan bersuara), peruntukan Bahagian III (kewarganegaraan), Perkara 38, 70, 71(1) (mengenai kedudukan Raja-Raja), 63(4), 72(4) (keistimewaan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri), 152 (bahasa kebangsaan) atau 153 (kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak) tidak boleh diluluskan tanpa terlebih dahulu dibawa untuk pertimbangan dan persetujuan Majlis Raja-Raja.

9. Semasa pembentangan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 [*Akta A30*] di Dewan Rakyat pada 23 Februari 1971 untuk meminda Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, YAB Perdana Menteri pada ketika itu menyatakan seperti yang berikut:

*“Tuan Speaker,*

*...*

*Tujuan asas bagi Article 153 itu ia-lah untok memberi kesempatan kepada orang2 Melayu maju dengan lebeh pesat supaya dapat pada*

*satu masa kelak mereka bertanding dengan orang-orang bukan Melayu dengan mempunyai syarat-syarat kelayakan dan kebolehan yang sama, kerana pada masa ini ada-lah di-akui bahawa orang2 Melayu belum menchapai kemajuan yang sama pesat dengan orang2 yang bukan Melayu. Hakikat yang sama saperti ini terdapat juga di-kalangan bumiputera Negeri-negeri Malaysia Timor.*

...

*Keistimewaan-keistimewaan yang boleh di-beri oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Article 153 kapada bumiputera Sabah dan Sarawak ia-lah mengenai dengan perkara-perkara Federal sahaja, ia-itu perkara yang di-bawah kekuasaan Kerajaan Pusat. Pindaan-pindaan ini tidak-lah sekali-kali akan menchachatkan kuasa-kuasa Negeri untuk memberi keistimewaan-keistimewaan kapada bumiputera2 di-dalam kedua-dua buah Negeri yang tersebut dalam perkara2 yang terletak di-dalam ke-kuasaan Negeri itu. Dengan pindaan-pindaan ini, maka jelas-lah bahawa bumiputera Sabah dan Sarawak ada-lah di-letak kapada satu kedu-dokan yang sama dengan orang-orang Melayu dalam Negeri-negeri di-Malaysia Barat.”.*

10. Berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri tersebut adalah jelas bahawa Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk memberikan perlindungan dan keistimewaan kepada orang Melayu dan anak negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak dan dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.